



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 26

27hb Disember 2012

*TAMBAHAN No. 33
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 142.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM SELANGOR
(PINDAAN) (No. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor (Pindaan) (No. 2) 2012**.

Pindaan am

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 [*Sel. P.U. 6/1985*] yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “fee” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “fi”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “mati” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “kekal”.

Pindaan undang-undang kecil 2

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 2 dengan memasukkan selepas takrif “PM” takrif yang berikut:

“PM PE” ertinya edisi Piawaian Malaysia yang bersamaan dengan Piawaian Eropah yang terakhir diterbitkan;”.

Bahagian baru 1A

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang Kecil 2 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 1A

PERUNTUHAN BANGUNAN

Pemakaian
bahagian ini.

2A. Bahagian ini hendaklah terpakai kepada peruntuhan sesuatu bangunan sebelum pembinaan semula bangunan itu.

Penyediaan dan
penemuan
pelan
peruntuhan,
dsb.

2B. (1) Sebelum peruntuhan dimulakan, sesalinan pelan peruntuhan yang terperinci bersama dengan sesalinan laporan kestabilan yang disediakan mengikut PM 2318:2010 (S) hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan.

(2) Pelan peruntuhan yang terperinci hendaklah mengandungi suatu perakuan orang yang mengemukakan sebagaimana dalam Borang A Jadual Kedua yang bermaksud bahawa butir-butir itu adalah mengikut PM 2318:2010 (S) dan bahawa orang yang mengemukakan itu menerima tanggungjawab sepenuhnya.

Kuasa pihak
berkuasa
tempatan untuk
menolak pelan
peruntuhan
dan laporan
kestabilan.

2C. Walau apapun perenggan (2), undang-undang kecil 2B, pihak berkuasa tempatan boleh memeriksa dan dalam berbuat demikian boleh menolak apa-apa pelan peruntuhan atau laporan kestabilan yang tidak mengikut PM 2318:2010 (S) dan jika ia menolak pelan atau laporan itu ia boleh menghendaki orang yang mengemukakan itu untuk mengemukakan semula suatu pelan peruntuhan atau laporan kestabilan yang baru berkenaan dengan bahagian ditolak itu.

Notis
memulakan atau
menyambung
semula kerja
bangunan.

2D. (1) Notis mengenai niat hendak memulakan atau menyambung semula peruntuhan sesuatu bangunan yang dihendaki di bawah subseksyen 70 (9) Akta hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Kedua dan hendaklah meliputi butir kerja yang dicadangkan itu.

(2) Jika kerja itu tidak dimulakan semula pada tarikh yang diberi dalam notis itu, suatu notis selanjutnya dalam Borang B Jadual Kedua hendaklah diberi sebelum kerja itu boleh dimulakan semula.

Cara
peruntuhan.

2E. Kerja peruntuhan hendaklah mematuhi PM 2318:2010 (S).

Tugas
orang yang
mengemukakan.

2F. (1) Orang yang mengemukakan yang memperakui pelan di bawah perenggan (2) undang-undang kecil 2B hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan wajar kerja peruntuhan itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga penyiapan kerja peruntuhan itu kecuali—

- (a) dengan persetujuan pihak berkuasa tempatan, orang yang mengemukakan yang lain dilantik untuk mengambil alih; atau
- (b) pihak berkuasa tempatan bersetuju untuk menerima penarikbalikan atau penggantian orang yang mengemukakan itu atas permintaan pemunya dengan syarat kerja peruntuhan belum lagi dimulakan.

(2) Jika mana-mana pihak berkuasa tempatan bersetuju untuk menerima penarikbalikan atau penggantian orang yang mengemukakan di bawah subperenggan (1)(b), kerja peruntuhan hendaklah tidak dimulakan sehingga orang yang mengemukakan yang lain dilantik untuk mengambil alih.

(3) Jika mana-mana orang yang mengemukakan yang telah mengemukakan pelan peruntuhan telah meninggal dunia atau menjadi bankrap atau tidak dapat dikesan atau pendaftarannya telah dikeluarkan daripada daftar atau bagi apa-apa alasan lain berhenti daripada menjalankan amalannya, pemunya atau penghuni hendaklah dengan seberapa segera yang praktikal melantik orang yang mengemukakan yang lain untuk bertindak baginya dan untuk mengemukakan keterangan yang mencukupi kepada pihak berkuasa tempatan tentang keadaan itu.

Pengecualian
daripada
Bahagian ini.

2G. Pihak berkuasa tempatan boleh jika ia sifatkan sesuai mengecualikan apa-apa kerja peruntuhan yang kecil daripada kehendak Bahagian ini.”.

Pindaan undang-undang kecil 3

5. Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong subperenggan (1)(d).

Pindaan undang-undang kecil 5

6. Undang-undang kecil 5 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai perenggan (1) undang-undang kecil itu; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) yang dinomborkan semula, perenggan yang berikut:

“(2) Pendirian sesuatu bangunan hendaklah dijalankan di bawah pengawasan sepenuh masa oleh seseorang pengawas tapak pembinaan yang diakreditasi dan diperakui oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520].”

Pindaan undang-undang kecil 8

7. Undang-undang kecil 8 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Satu set pelan-pelan hendaklah dikembalikan selepas kelulusan.”.

Pindaan undang-undang kecil 9

8. Undang-undang kecil 9 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan “Skel” perkataan “Skala”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “skel” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “skala”.

Pindaan undang-undang kecil 10

9. Undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam subsubperenggan (1)(a)(iv) dengan memasukkan selepas perkataan “dimensi” perkataan “dan keluasan”.

Pindaan undang-undang kecil 16

10. Undang-undang kecil 16 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (2) dengan memotong perkataan “hendaklah dibuat atas ibu dan tiap-tiap salinan”.

Pindaan undang-undang kecil 34A

11. Undang-undang kecil 34A Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perenggan (6).

Pindaan Undang-undang kecil 38

12. Undang-undang kecil 38 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “2.25” perkataan “2.10”.

Undang-undang kecil baru 38A dan 38B

13. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 38 undang-undang kecil yang berikut:

“Kecekapan tenaga di dalam bangunan.

38A. (1) Bangunan baru atau diubah suai dengan ruangan hawa dingin melebihi 4,000 meter persegi hendaklah—

- (a) direka agar dapat mencapai spesifikasi PM 1525 dari segi *Overall Thermal Transfer Value (OTTV)* dan *Roof Thermal Transfer Value (RTTV)*; dan
- (b) disediakan dengan Sistem Pengurusan Tenaga.

(2) Bumbung bagi semua bangunan (kediaman dan bukan kediaman) hendaklah mempunyai kadar peralihan arus udara panas (*thermal transmittance*) (*U-value*) yang melebihi—

- (a) 0.4 W/m²K bagi bumbung yang ringan (kurang daripada 50 kg/m²); dan
- (b) 0.6 W/m²K bagi bumbung yang berat (lebih daripada 50 kg/m²),

melainkan jika dilengkapi dengan elemen teduhan atau penyejukan.

Perlindungan struktur bangunan daripada kilat dan panahan petir.

38B. (1) Penilaian risiko dan penyediaan langkah-langkah melindungi struktur bangunan daripada kilat dan panahan petir hendaklah mengikut kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam PM IEC 62305.

(2) Bagi maksud perenggan (1), “PM IEC” ertinya edisi Piawaian Malaysia yang bersamaan dengan Piawaian *International Electrotechnical Commission* yang terakhir diterbitkan.”

Pindaan undang-undang kecil 39

14. Undang-undang kecil 39 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “bilik itu dan” perkataan “yang mana tidak kurang daripada separuh 10% keluasan lantai itu”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “yang tidak kurang daripada 5% daripada keluasan lantai itu”.

(b) dalam perenggan (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “bilik itu dan” perkataan “yang mana tidak kurang daripada separuh 15% keluasan lantai itu”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “yang tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lantai itu”.

(c) dalam perenggan (3)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “bilik itu” perkataan “yang mana tidak kurang daripada separuh 20% keluasan lantai itu”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “yang tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lantai itu”.

Pindaan undang-undang kecil 41

15. Undang-undang kecil 41 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1) dengan menggantikan perkataan “boleh diketepikan mengikut budi bicara pihak berkuasa tempatan” perkataan “hendaklah tidak terpakai”; dan
- (b) dalam perenggan (2) dengan menggantikan perkataan “Sesuatu permohonan untuk mengenyakan undang-undang kecil yang relevan itu hanya boleh dipertimbangkan jika selain daripada sistem penyaman udara yang kekal itu ada diperuntukkan cara-cara pengudaraan lain yang diluluskan” perkataan “Sistem penyaman udara yang kekal itu hendaklah dilengkapi dengan cara-cara pengudaraan lain”.

Pindaan undang-undang kecil 54

16. Undang-undang kecil 54 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)—
 - (i) dengan menggantikan subperenggan (a) dengan subperenggan yang berikut:

“(a) beban kekal hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1 atau sebagaimana diperuntukkan selepas ini.”;
 - (ii) dalam subperenggan (b) dengan menggantikan perkataan “TAPB 3 Bab V Bahagian 1 atau sebagaimana diperuntukkan selepas ini dalam Bahagian ini” perkataan “PM PE 1991-1-1 atau sebagaimana diperuntukkan selepas ini”; dan
 - (iii) dengan menggantikan subperenggan (c) dengan subperenggan yang berikut:

“(c) beban angin hendaklah dikira mengikut PM 1553.”;
- (b) dengan memotong perenggan (3).

Pindaan undang-undang kecil 56

17. Undang-undang kecil 56 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1) dengan menggantikan perkataan “dalam PB 648” perkataan “mengikut PM PE 1991-1-1”; dan

- (b) dalam perenggan (2) dengan menggantikan perkataan “Jadual Keempat Undang-Undang Kecil ini” perkataan “PM PE 1991-1-1”.

Pindaan undang-undang kecil 57

18. Undang-undang kecil 57 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perkataan “(102 kgf/m²)”.

Penggantian undang-undang kecil 59

19. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 59 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Beban guna lantai.	59. Semua beban guna lantai hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1.”
---------------------	--

Pindaan undang-undang kecil 60

20. Undang-undang kecil 60 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “lantai itu” perkataan “mengikut PM PE 1991-1-1”.

Pindaan undang-undang kecil 61

21. Undang-undang kecil 61 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)—

(i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “if” perkataan “of”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “bagi beban-beban berikut:” perkataan “mengikut PM PE 1991-1-1.”; dan

(iii) dengan memotong subperenggan (a) dan (b).

(b) dengan memotong perenggan (2); dan

(c) dengan menomborkan semula perenggan (3) sebagai perenggan (2).

Penggantian undang-undang kecil 62

22. Undang-Undang Kecil ibu dengan menggantikan undang-undang kecil 62 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pengurangan pada jumlah beban guna lantai	62. Pengurangan pada jumlah beban guna lantai yang diberi dalam PM PE 1991-1-1 boleh digunakan bagi mereka bentuk tiang, tembok sambut, dinding, penyangga dan asas tapaknya.”.
--	---

Penggantian undang-undang kecil 63

23. Undang-Undang Kecil ibu dengan menggantikan undang-undang kecil 63 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Beban guna
bumbung.

63. Bagi maksud undang-undang kecil ini, beban guna bumbung hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.”

Penggantian undang-undang kecil 64

24. Undang-Undang Kecil ibu dengan menggantikan undang-undang kecil 64 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Bumbung
lengkung.

64. Beban guna di atas sesuatu bumbung lengkung hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1.”

Penggantian undang-undang kecil 65

25. Undang-Undang Kecil ibu dengan menggantikan undang-undang kecil 65 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Penutup
bumbung.

65. Bagi memperuntukkan beban-beban yang bersampingan dengan penyenggaraan, semua penutup bumbung, selain daripada kaca, hendaklah mengikut PM PE 1991-1-1.”

Penggantian undang-undang kecil 67

26. Undang-Undang Kecil ibu dengan menggantikan undang-undang kecil 67 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Amaun beban
ampaian.

67. Mana-mana titik panel rentasan bawah kekuda bumbung itu atau mana-mana titik bahagian struktur utama lain tersebut yang menyangga bumbung di atas garaj, lantai pengilangan atau storan hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.”

Pindaan undang-undang kecil 68

27. Undang-undang kecil 68 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Jika tiada data yang mencukupi untuk perkiraan tersebut, tambahan kepada beban-beban guna itu hendaklah mengikut PM PE 1991-1-1.”; dan

(b) dalam perenggan (4) dengan memasukkan selepas perkataan “daripada 20%” perkataan “atau piawaian minimum yang dinyatakan dalam PM PE 1991-1-1 mengikut mana yang lebih tinggi”.

Penggantian undang-undang kecil 69

28. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 69 dengan undang-undang kecil yang berikut:

- | | |
|---------------------|---|
| “Galang ganti kren. | 69. Mengenai galang gantri kren, semua daya yang disebabkan oleh getaran, gegaran daripada gelinciran ali-ali, tindakan kinetik pencepatan dan perlambatan dan hentaman beban roda hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.”. |
|---------------------|---|

Penggantian undang-undang kecil 70

29. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 70 dengan undang-undang kecil yang berikut:

- | | |
|-----------------------|--|
| “Parapet dan pelepar. | 70. Parapet, pelepar dan panel yang lebih rendah bagi salutan atau dinding tirai hendaklah direka bentuk bagi beban-beban minimum mengikut PM PE 1991-1-1.”. |
|-----------------------|--|

Penggantian undang-undang kecil 71

30. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 71 dengan undang-undang kecil yang berikut:

- | | |
|--|---|
| “Penggadang kenderaan bagi tempat letak kereta | 71. Semua penggadag kenderaan termasuk parapet dan pelepar hendaklah direka bentuk mengambil kira daya impak kenderaan mengikut PM PE 1991-1-1.”. |
|--|---|

Pindaan undang-undang kecil 72

31. Undang-undang kecil 72 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (3) dengan memasukkan selepas perkataan “dikenakan” perkataan “termasuk sebarang tekanan artesis”.

Pindaan undang-undang kecil 73

32. Undang-undang kecil 73 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan sebelum perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(1) Kerja tanah, kerja-kerja bangunan di bawah tanah dan kekuatan struktur bangunan perlu direka bentuk berasaskan kepada ujian tapak dan makmal bersandarkan penyiasatan tapak yang sempurna. Ujian perlu dilaksanakan dan diselia oleh seseorang Jurutera Profesional yang mempunyai pengalaman geoteknikal yang berkaitan.”;

- (b) dengan menomborkan semula perenggan (1) yang sedia ada sebagai perenggan (2);
- (c) dalam subperenggan (2(b) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “pengembangan dan pengecutan tanah bawah” perkataan “mendapan dan pergerakan tanah”; dan
- (d) dengan menggantikan perenggan (2) yang sedia ada perenggan yang berikut:

“(3) Kehendak-kehendak perenggan (2) hendaklah disifatkan sebagai dipenuhi jika asa tapak itu dibina mengikut syor-syor relevan PM PE 1997.”.

Pemotongan undang-undang kecil 74

33. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 74.

Penggantian undang-undang kecil 75

34. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 75 undang-undang kecil yang berikut:

“Asas tapak
konkrit tetulan

75. Asas konkrit bertetulang hendaklah direka bentuk dan dibina mengikut PM PE 1990, PM PE 1991, PM PE 1992.”.

Pemotongan undang-undang kecil 76

35. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 76.

Undang-undang kecil baru 76A

36. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 76 undang-undang kecil yang berikut:

“Bangunan
dicerun bukit.

76A. Setiap bangunan yang hendak dibina di atas cerun bukit hendaklah mematuhi apa-apa kehendak perancangan sebagaimana pihak berkuasa tempatan boleh tentukan.”.

Pemotongan undang-undang kecil 77

37. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 77.

Penggantian undang-undang kecil 78

38. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 78 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Asas tapak di bawah lantai dan dasar parit.

78. Di antara jarak tidak melebihi kedalaman bagi sesebuah salur keluar dianggarkan dari tepi salur tersebut, tiada bahagian bangunan yang akan dibina dengan paras asas substrukturnya lebih tinggi daripada 450 milimeter di bawah paras songsang salur keluar, kecuali keseluruhan bangunan berkenaan dipasang cerucuk selain cerucuk batang kayu.”.

Penggantian undang-undang kecil 79

39. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 79 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Asas tapak di bawah dinding luar dan dinding dua pihak.

79. Jika sesuatu dinding luar dibina bersangga dengan dinding luar lain atau bersangga dengan dinding dua pihak lot bangunan berdekatan, penyambungan asas konkrit hendaklah tidak disambungkan melebihi garisan sempadan lot sendiri.”.

Pindaan undang-undang kecil 80

40. Undang-undang kecil 80 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Kehendak-kehendak perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai dipenuhi jika reka bentuk dan pembinaan struktur atau sebahagian daripada struktur itu mematuhi Piawaian berikut:

- PM PE 1990 – Reka bentuk Struktur Asas;
- PM PE 1991 – Tindakan ke atas struktur;
- PM PE 1992 – Reka bentuk struktur konkrit;
- PM PE 1993 – Reka bentuk struktur keluli;
- PM PE 1994 – Reka bentuk keluli gabungan dan struktur konkrit;
- PM PE 1995 – Reka bentuk struktur balak;
- PM PE 1996 – Reka bentuk struktur kerja batu;
- PM PE 1998 – Reka bentuk struktur untuk rintangan gempa bumi; dan
- PM PE 1999 – Reka bentuk struktur aluminium.”.

Pindaan undang-undang kecil 81

41. Undang-undang kecil 81 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1) dengan menggantikan perkataan “dijadikan atau menjadi tidak berbahaya dan telah ditambah dengan selapis tanah bukit, teras keras, batu hangus atau abu yang dihentak-asak sehingga sekurang-kurangnya 0.305 meter tebal” perkataan “dirawat dengan sempurna berdasarkan teknik geoteknikal mengikut PM 1754 dan PM 1756”.

Pindaan undang-undang kecil 83

42. Undang-undang kecil 83 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

“(1) Semua cerun di dalam dan di sekeliling bangunan hendaklah dilindungi secara bersesuaian daripada hakisan tanah dan kegagalan cerun hendaklah dipantau dan dipelihara secara teratur.”.

Pindaan undang-undang kecil 84

43. Undang-undang kecil 84 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (3)—

- (a) dengan memotong perkataan “bata atau dinding batu”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “alas jalur” perkataan “asas tapak”; dan
- (c) dalam subperenggan (b) dengan menggantikan perkataan “kayu-kayu” perkataan “bahagian”.

Pemotongan undang-undang kecil 86

44. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 86.

Pemotongan undang-undang kecil 87

45. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 87.

Pindaan undang-undang kecil 88

46. Undang-undang kecil 88 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “atau dinding dua pihak”; dan
- (b) dalam perenggan (a) dengan memotong perkataan “dan 200 milimeter tebalnya bagi suatu dinding dua pihak”.

Pemotongan undang-undang kecil 89

47. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 89.

Pemotongan undang-undang kecil 92

48. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 92.

Pindaan undang-undang kecil 93

49. Undang-undang kecil 93 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan “tembok sambutnya” perkataan “tiang”.

Pemotongan undang-undang kecil 94

50. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 94.

Pemotongan undang-undang kecil 97

51. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 97.

Penggantian undang-undang kecil 99

52. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 99 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Kemudahan memasak dalam bangunan kediaman.

99. (1) Tiap-tiap bangunan kediaman dan tiap-tiap tingkat sesuatu bangunan kediaman yang atau mungkin disewakan berasingan bagi maksud-maksud kediaman hendaklah dilengkapi dengan dapur.

(2) Di mana salur penyedut asap dapur menegak yang umum disediakan, salur udara itu hendaklah mencapai tingkat mekanikal ataupun bumbung untuk dilepaskan ke luar, dan hendaklah dibina dengan sempurna daripada bahan tahan api sekurang-kurangnya pada kadar 2 jam mengikut PB 476: Bahagian 3.”.

Pemotongan undang-undang kecil 100

53. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 100.

Pemotongan undang-undang kecil 103

54. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 103.

Pemotongan undang-undang kecil 104

55. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 104.

Pindaan undang-undang kecil 107

56. Undang-undang kecil 107 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (2) dengan menggantikan perkataan “2225” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “2200”.

Penggantian undang-undang kecil 109

57. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 109 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Anak tangga
tirus. 109. Tangga pilin dan tangga keliling tidak boleh dibenarkan sebagai jalan keluar yang dikehendaki.”.

Penggantian undang-undang kecil 111

58. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 111 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pencahaya-
an dan
pengudaraan
tangga 111. Semua tangga hendaklah diterangi sehingga kadar terang purata tidak kurang daripada 100 lux dan diudarakan mengikut ketetapan sebagaimana yang ditetapkan di bawah UUK 198 hingga UUK 200, Bahagian VII.”.

Pemotongan undang-undang kecil 114

59. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 114.

Penggantian undang-undang kecil 117

60. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 117 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Akses kepada
ruang bumbung. 117. Jika ruang di bawah sesuatu bumbung dikepongi oleh siling akses kepada ruang itu hendaklah disediakan dengan cara pintu kolong sekurang-kurangnya 600 milimeter ke semua arah.”.

Pemotongan undang-undang kecil 118

61. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 118.

Pemotongan undang-undang kecil 120

62. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 120.

Pemotongan undang-undang kecil 121

63. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 121.

Pemotongan undang-undang kecil 122

64. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 122.

Pemotongan undang-undang kecil 123

65. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 123.

Pindaan undang-undang kecil 133

66. Undang-undang kecil 133 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

(a) dengan memotong takrif—

- (i) “J.P.B.” ertinya Jawatankuasa Pegawai Bomba United Kingdom;”;
- (ii) “pemasangan gelung hos” ertinya sesuatu pemasangan paip, tangki air, pam dan gelung hos di sesuatu bangunan bagi mengadakan suatu cara tersedia yang dengannya pancutan air boleh ditujukan ke mana-mana bahagian bangunan itu bagi maksud menentang kebakaran dan mematuhi TAPB 402.101;
- (iii) “pemasangan penggera kebakaran” ertinya sesuatu pemasangan yang boleh memberi amaran kepada orang-orang mengenai berlakunya kebakaran. Pemasangan itu hendaklah mempunyai pengesan-pengesan yang mematuhi Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Pegawai Bomba bagi Pemasangan Penggera Kebakaran Automatik, dan dipasang mengikut TAPB 1019;
- (iv) “pemasangan semburan” ertinya sesuatu pemasangan bekalan air, pam, paip, injap dan tempat pancuran yang diatur sedemikian supaya secara automatik dapat mengesan sesuatu kebakaran dan melawannya dengan air, membunyikan penggera dan dipasang mengikut edisi semasa kaedah-kaedah J.P.B. bagi Pemasangan Semburan Automatik atau piawai-piawai lain yang diluluskan;
- (v) “pili bomba” ertinya sesuatu pemasangan paip, tangki air, pam dan alir-keluar pili dalam sesuatu bangunan bagi mengadakan suatu cara tersedia yang dengannya suatu pancutan air boleh ditujukan ke mana-mana bahagian bangunan itu bagi maksud menentang kebakaran dan hendaklah mematuhi TAPB 402.101;

- (vi) “sistem pancur basah” ertinya sesuatu sesalur air tegak yang sentiasa penuh dan dipasang bagi maksud-maksud menentang kebakaran, daripada saiz yang berpatutan dan dipasang dengan sambungan-sambungan yang sesuai untuk kegunaan Pihak Berkuasa Bomba dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak TAPB 402,101; dan
- (vii) “sistem pancur kering” ertinya sesuatu sesalur air tegak yang selalunya kering, daripada saiz yang berpatutan, dan dipasang dengan pili air-keluar yang boleh dipenuhi dengan air oleh pam-pam Pihak Berkuasa Bomba melalui alir masuk perkhidmatan bomba dan hendaklah mematuhi PB 3980 dan TAPB 402.101;
- (b) dalam takrif “K.P.B.P.”, dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba” perkataan “Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat”;
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “ketahanan api” takrif yang berikut:
 - “koridor terbuka” ertinya suatu koridor yang mempunyai dinding yang terbuka kepada atmosfera terutamanya untuk pelepasan asap yang mencukupi;’;
- (d) dalam takrif “penahanan api” dengan memasukkan selepas perkataan “PB 476” perkataan “: Bahagian 8: 1972”;
- (e) dengan memasukkan selepas takrif “petak” takrif yang berikut:
 - “Pihak Berkuasa Bomba” ertinya pegawai yang mengetahui Jabatan Bomba dan Penyelamat yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis;’;
- (f) dalam takrif “pintu penahan asap” dengan menggantikan perkataan “seksyen 7 PB 476: Bahagian 8: 1972” perkataan “PM 1073”;
- (g) dalam takrif “tak boleh terbakar” dengan memotong perkataan “:Bahagian 4 (1970)”;
- (h) dalam takrif “tempoh ketahanan api” dengan menggantikan perkataan “PB 476: Bahagian 1: 1953” perkataan “PM 1073”; dan
- (i) dengan memasukkan selepas takrif “struktur pelindung” takrif yang berikut:
 - “struktur terbuka” ertinya suatu struktur yang, pada setiap paras, mempunyai dinding yang terbuka kepada atmosfera;’.

Pindaan undang-undang kecil 136

67. Undang-undang kecil 136 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “syor-syor relevan Kaedah-Kaedah J.P.B. bagi Pemasangan semburan Automatik, edisi ke 29” perkataan “PM 1910”.

Penggantian undang-undang kecil 137

68. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 137 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pemetakan mengikut ketinggian.

137. (1) Dalam mana-mana bangunan yang tingginya tidak melebihi 30 meter, mana-mana lantai yang tingginya lebih daripada 9 meter di atas paras lantai bawah yang mengasingkan satu tingkat daripada satu tingkat yang lain, selain daripada lantai yang berada sama dalam lantai maisonet atau mezanin hendaklah dibina sebagai lantai petak.

(2) Dalam mana-mana bangunan yang melebihi 30 meter tinggi, semua tingkat hendaklah dibina sebagai lantai-lantai petak, selain daripada suatu petak yang di antara maisonette kediaman yang boleh merangkumi dua paras tingkat.

(3) Sesuatu atrium hendaklah mematuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 252A.”.

Pindaan undang-undang kecil 139

69. Undang-undang kecil 139 Undang-Undang Kecil Ibu—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai perenggan (1) undang-undang kecil itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) yang dinomborkan semula, perenggan yang berikut:

“(2) Bagi hospital dan rumah rawatan daripada Kumpulan Maksud II (Institusional), makmal dan dapur hendaklah tidak mempunyai tempat tidur di atasnya dan hendaklah menjadi kompartmen berasingan daripada kawasan rawatan pesakit dalam, kawasan awam, tangga dan kawasan keluar lif.”.

Penggantian undang-undang kecil 140

70. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 140 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Akses perkakas bomba.

104. (1) Laluan hendaklah disediakan dalam tapak sesuatu bangunan untuk membolehkan perkakas bomba untuk mendapatkan akses ke bangunan itu. Bukaan laluan hendaklah juga disediakan sepanjang dinding-dinding luaran yang berhadapan dengan laluan itu untuk menyediakan akses ke dalam bangunan itu bagi operasi menentang kebakaran dan menyelamatkan.

(2) Kehendak-kehendak laluan hendaklah seperti berikut:

- (a) laluan hendaklah mempunyai lebar berukuran minimum 6 meter di sepanjang laluan dan hendaklah membolehkan kemasukan dan pengendalian jentera bomba, peralatan menaikkan tangga tambahan, pelantar cakera putar dan hidraulik;

- (b) laluan hendaklah dilapisi atau diturap atau dipasang dengan papak tebuk yang kukuh untuk menampung muatan beban perkakas bomba seberat 30 tan;
 - (c) laluan hendaklah dirancang supaya kedudukan akhir laluan tidak kurang daripada 2 meter atau tidak lebih daripada 10 meter dari bahagian tengah bukaan laluan, diukur secara mendatar;
 - (d) laluan hendaklah disediakan di atas kawasan yang rata atau jika di atas kawasan curam, kecerunan tidak boleh melebihi 1:15. Jalan masuk hendaklah disediakan pada kecerunan tidak melebihi 1:8.3;
 - (e) jalan mati dan jalan masuk jentera bomba tidak boleh melebihi 46 meter panjang atau jika lebih daripada 46 meter, disediakan kemudahan membelok;
 - (f) kawasan luar untuk membelok dari laluan dan jalan masuk jentera bomba hendaklah mematuhi keperluan Pihak Berkuasa Bomba;
 - (g) kelegaan atas bagi jalan masuk jentera bomba hendaklah sekurang-kurangnya 4.5 meter untuk memberikan laluan kepada peralatan memadam kebakaran;
 - (h) jalan awam boleh digunakan sebagai laluan dengan syarat bahawa lokasi jalan awam itu mematuhi keperluan jarak dari bukaan laluan sebagaimana Pihak Berkuasa Bomba boleh tetapkan; dan
 - (i) laluan dan jalan masuk jentera bomba hendaklah bebas daripada halangan dan bahagian bangunan yang lain, tumbuh-tumbuhan, pokok atau lekapan lain tidak boleh menghalang lorong antara laluan dengan bukaan laluan.
- (3) Semua selekoh laluan hendaklah ditanda seperti berikut:
- (a) penandaan selekoh hendaklah menggunakan warna yang kontras dengan permukaan atau kemasan kawasan;
 - (b) laluan yang disediakan di kawasan berumput hendaklah ditandakan dengan objek yang kontras (sebaik-baiknya warna yang memantul) supaya dapat dilihat pada waktu malam. Penandaan hendaklah pada jarak tidak lebih daripada 3 meter antara satu sama lain dan disediakan pada kedua-dua belah sisi laluan; dan
 - (c) papan tanda yang memaparkan perkataan “Laluan Jentera Bomba – Kosongkan Laluan” hendaklah disediakan di laluan masuk. Saiz perkataan hendaklah tidak kurang daripada 50 milimeter.

(4) Kadar bangunan yang bersempadanan dengan jalan, lebuh atau kawasan terbuka hendaklah mengikut skala berikut:

Isipadu bangunan dalam meter padu		Kadar minimum perimeter bangunan
7000 hingga 28000		satu perenam
2800 hingga 56000		satu perempat
56000 hingga 84000		setengah
84000 hingga 112000		tiga suku
112000 dan ke atas		tapak pulau

Pindaan undang-undang kecil 141

71. Undang-undang kecil 141 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(4) Tiada apa-apa kayu seperti gelegar, rasuk, tutup tiang, beroti genting dan pelancar boleh dibina ke dalam tebal sesuatu dinding dua pihak melainkan jika terdapat tidak kurang daripada 100 milimeter kerja batu-bata atau simen di antara kayu-kayu itu.”.

Pindaan undang-undang kecil 144

72. Undang-undang kecil 144 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dalam perenggan (2) dengan memotong perkataan “: Bahagian 6: 1968”.

Pemotongan undang-undang kecil 154

73. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 154.

Pindaan undang-undang kecil 159

74. Undang-undang kecil 159 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “K.P.P.B.” perkataan “K.P.B.P.”.

Pindaan undang-undang kecil 162

75. Undang-undang kecil 162 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong perenggan (5).

Penggantian undang-undang kecil 163

76. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 163 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pintu-pintu
api. 163. Pintu-pintu api termasuk bingkai hendaklah dibina mengikut PM 1073.”.

Pindaan undang-undang kecil 165

77. Undang-undang kecil 165 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Dalam mana-mana bilik-bilik persendirian yang tertakluk kepada pendudukan tidak lebih daripada enam orang, jarak perjalanan hendaklah diukur daripada pintu bilik-bilik tersebut:

Dengan syarat bahawa keluasan bilik itu tidak melebihi 15 meter persegi atau apa-apa keluasan lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Bomba.”.

Pindaan undang-undang kecil 167

78. Undang-undang kecil 167 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dalam apa-apa hal tidak lebih dekat daripada 4.5” perkataan “tidak boleh kurang daripada 5.0”.

Pindaan undang-undang kecil 168

79. Undang-undang kecil 168 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dalam perenggan (3) dengan menggantikan perkataan “75” perkataan “80”.

Pindaan undang-undang kecil 169

80. Undang-undang kecil 169 Undang-Undang Kecil Ibu—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai perenggan (1) undang-undang kecil itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) yang dinomborkan semula, perenggan yang berikut:

“(2) Bagi hospital dan rumah rawatan daripada Kumpulan Maksud II (Institusional)—

- (a) koridor dan pelantar hendaklah direka bentuk untuk memuatkan pergerakan usungan dan katil; dan

- (b) reka bentuk hendaklah membuat peruntukan bagi evakuasi mendatar bagi katil pesakit untuk sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah katil pesakit dari tingkat berkenaan.”.

Pindaan undang-undang kecil 172

81. Undang-undang kecil 172 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

- “(3) Reka bentuk dan pemasangan bagi tiap-tiap tanda tempat keluar kecemasan hendaklah mematuhi PM 983 dan PM 619.”.

Pindaan undang-undang kecil 189

82. Undang-undang kecil 189 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1) dengan menggantikan perkataan “1,200 milimeter” perkataan “12 meter”; dan
- (b) dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Dalam suatu bangunan daripada Kumpulan Maksud IV (Pejabat), reka bentuk koridor terbuka boleh mempunyai tangga tak terbuka jika dilengkapi dengan pelantar tambahan tidak kurang daripada dua kali lebar tangga dan dinding yang mengasingkan tangga itu daripada pendudukan dibalikkan kepada satu jarak yang tidak kurang daripada 1 meter sepanjang bahagian hadapan pendudukan bersempadanan.”.

Penggantian undang-undang kecil 194

83. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 194 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Bangunan yang mempunyai tangga tunggal

194. Suatu tangga tunggal boleh dibenarkan dalam premis-premis berikut:

- (a) apa-apa kediaman pada ketinggian 12 meter diukur dari akses paras perkakasan bomba ke lantai tertinggi dan ke bawah; dan
- (b) apa-apa kedai pejabat atau kediaman yang tidak melebihi dua (2) tingkat atau tingkat pertama tidak melebihi 6 meter dari paras tanah.”.

Pindaan undang-undang kecil 197

84. Undang-undang kecil 197 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dalam perenggan (2) dengan menggantikan perkataan “K.P.P.B.” perkataan “K.P.B.P.”.

Undang-undang kecil baru 197A dan 197B

85. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 197 undang-undang kecil yang berikut:

“Cara akses dan menentang kebakaran dalam bangunan yang tingginya lebih daripada 18.0 meter.

197A. (1) Bangunan-bangunan yang mana tingkat paling atasnya adalah lebih daripada 18.0 meter di atas paras akses perkakas bomba hendaklah dilengkapi dengan cara mendapatkan akses dan menentang kebakaran daripada dalam bangunan itu yang terdiri daripada ruang akses menentang kebakaran, tangga menentang kebakaran, lif bomba dan sistem pancur kering atau basah.

(2) Ruang akses menentang kebakaran hendaklah disediakan di tiap-tiap paras tingkat dan hendaklah ditempatkan supaya jarak perjalanan daripada tempat paling jauh sekali bagi tingkat itu tidak melebihi 45.0 meter.

(3) Ruang akses menentang kebakaran boleh ditinggalkan jika tangga menentang kebakaran itu diisitekan untuk memenuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 200 dan semua pemasangan menentang kebakaran dalam kepungan tangga yang diisitekan itu tidak memasuki ke dalam ruang lega yang dikehendaki sebagai jalan keluar daripada bangunan itu.

(4) Suatu tangga menentang kebakaran hendaklah disediakan untuk memberi akses terus kepada tiap-tiap ruang akses menentang kebakaran dan hendaklah boleh dilalui terus daripada luar bangunan itu pada paras akses perkakas bomba. Tangga ini boleh menjadi salah satu daripada tangga-tangga yang dikehendaki sebagai jalan keluar daripada bangunan itu.

(5) Suatu lif bomba hendaklah disediakan bagi member akses kepada tiap-tiap ruang akses menentang kebakaran atau, jika ruang itu tidak ada, kepada tangga menentang kebakaran di tiap-tiap paras tingkat.

(6) Lif bomba itu hendaklah mengeluarkan terus ke dalam ruang akses menentang kebakaran atau tangga menentang kebakaran atau hendaklah dihubungkan kepadanya oleh suatu koridor terlindung.

(7) Dalam sesuatu bangunan di mana tingkat atas yang diduduki adalah lebih daripada 18.5 meter di atas paras akses perkakas bomba, lif bomba hendaklah disediakan.

(8) Sesuatu penthouse yang menduduki tidak lebih daripada 50% keluasan lantai yang sebaik sahaja di bawahnya hendaklah dikecualikan daripada ukuran ini.

(9) Lif bomba hendaklah ditempatkan dalam lubang terlindung berasingan jika ia membuka ke suatu ruang berasingan.

(10) Lif bomba hendaklah disediakan pada kadar satu lif dalam tiap-tiap kumpulan lif yang keluar ke dalam kepungan terlindung yang sama atau ruang asap yang mengandungi sesalur pancur, dengan syarat bahawa lif bomba itu ditempatkan tidak lebih daripada 61 meter jarak perjalanan daripada titik lantai itu yang terjauh sekali.

(11) Semua lif dari tingkat atas tanah tidak boleh dipanjangkan ke tingkat bawah tanah melainkan lantai bawah tanah tersebut mengandungi beban api rendah atau digunakan khusus sebagai tempat letak kereta. Dalam mana-mana situasi yang dibenarkan, lobi terlindung hendaklah disediakan antara bukaan lif dan kawasan yang diberi khidmat.

“Ruang akses
menentang
kebakaran.

197B. Ruang akses menentang kebakaran hendaklah mematuhi kehendak-kehendak berikut:

- (a) setiap ruang hendaklah mempunyai keluasan lantai tidak kurang daripada 6.0 meter persegi; dan
- (b) keluasan tingkap yang boleh dibuka atau keluasan pengudaraan kekal hendaklah tidak kurang daripada 25% daripada keluasan lantai ruang itu dan, jika pengudaraan adalah dengan cara tingkap boleh buka, pengudaraan kekal tambahan yang mempunyai ruang buka bebas seluas 464 sentimeter persegi hendaklah disediakan kecuali bahawa pengisitekaan mekanikal boleh diadakan sebagai alternatif.”.

Pindaan undang-undang kecil 198

86. Undang-undang kecil 89 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2) dengan menggantikan perkataan “K.P.P.B.” perkataan “K.P.B.P.”; dan
- (b) dengan memotong perenggan (3).

Pindaan undang-undang kecil 199

87. Undang-undang kecil 199 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan “melebihi” perkataan “tiga tingkat atau”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “18 meter” perkataan “tiga tingkat atau 18 meter, mana-mana yang lebih awal,”.

Pindaan undang-undang kecil 200

88. Undang-undang kecil 200 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (*b*) dengan perenggan yang berikut:

“(b) pengisitekanan kepungan tangga itu secara mekanikal yang direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1472.”.

Penggantian undang-undang kecil 202

89. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 202 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem isi tekanan bagi tangga.

202. Semua tangga yang digunakan bagi bangunan-bangunan yang tingginya lebih daripada 45 meter di mana tidak terdapat pengudaraan yang mencukupi sebagaimana dikehendaki hendaklah dilengkapi dengan suatu sistem pengisitekanan tangga yang direka bentuk dan dipasang mengikut MS 1472.”.

Pindaan undang-undang kecil 204

90. Undang-undang kecil 204 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula perenggan (A), (B) dan (C) masing-masing sebagai perenggan (*a*), (*b*) dan (*c*);
- (b) dalam perenggan (*a*) yang dinomborkan semula, dengan menomborkan semula perenggan (*a*) dan (*b*) yang sedia ada masing-masing sebagai perenggan (*i*) dan (*ii*);
- (c) dalam subperenggan (*a*)(*ii*) yang dinomborkan semula, dengan memotong perkataan “Bahagian 6, 1968, hendaklah mempunyai indeks pelaksanaan (A) yang tidak melebihi 12 dan subindeks (i) yang tidak melebihi 6.”;
- (d) dengan memotong proviso kepada perenggan (*a*) yang dinomborkan semula; dan
- (e) dalam perenggan (*b*) yang dinomborkan semula, dengan memotong perkataan “, Bahagian 1, seksyen 2, 1953”;

Penggantian undang-undang kecil 207

91. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 207 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pengecualian berhubung dengan siling.

207. Kemasan dinding dan siling dalam bentuk lapisan nipis tidak lebih daripada 1 milimeter tebal yang dipasang di atas substrat tak boleh terbakar tidak tertakluk kepada keperluan peruntukan kemerebakan api permukaan dengan syarat bahawa pengecualian ini hendaklah tidak terpakai kepada lobi penahan asap atau memadam kebakaran, dan tangga dan laluan kecemasan.”.

Penggantian undang-undang kecil 211

92. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 211 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Bahan
bumbung.

211. (1) Permukaan atau bahan untuk menutup bumbung atau membina bumbung hendaklah mempunyai tahap kemerebakan api permukaan tidak kurang daripada kelas 1, melainkan untuk Kumpulan Maksud I dan III seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Kelima Undang-Undang Kecil ini, dan di dalam bangunan yang dilindungi keseluruhannya dengan sistem pemercik automatik.

(2) K.P.B.P. boleh membenarkan penggunaan bahan boleh terbakar untuk pembinaan bumbung bagi bangunan Kumpulan Maksud II, IV, V dan VI seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Kelima Undang-Undang Kecil ini, yang memenuhi keperluan berikut:

- (a) bangunan itu tidak melebihi empat tingkat;
- (b) ruang bumbung di antara bumbung dan siling hendaklah menjadi sawar kaviti yang perlu mematuhi peruntukan yang berkaitan, dan bukaan pada sawar kaviti hendaklah dapat menghentikan kebakaran; dan
- (c) jika sebelah bawah bumbung berfungsi sebagai siling bilik atau ruang, maka sebelah bawah bumbung itu hendaklah mematuhi peruntukan berkaitan dengan undang-undang kecil 204.

(3) Pada pertemuan dinding pengasing atau dinding pangsa, pembinaan bumbung hendaklah mematuhi kehendak sebagaimana Pihak Berkuasa Bomba boleh tentukan.”.

Undang-undang kecil baru 211A

93. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 211 undang-undang kecil yang berikut:

“Bahan untuk
pembinaan.

211A. (1) Bahan-bahan yang digunakan untuk membina elemen bangunan hendaklah mematuhi kehendak yang dinyatakan di bawah Bahagian ini selain kehendak pelaksanaan seperti ketahanan api dan had kemerebakan api.

(2) Cat gelodar boleh digunakan untuk melindungi bahagian keluli berstruktur yang ada pada semua bangunan dengan syarat bahawa—

- (a) cat itu hendaklah menjadi sistem proprietari yang telah diuji untuk mencapai prestasi ketahanan api seperti yang dihendaki dalam PB 476; dan
- (b) salutan cat gelodar ke atas keluli berstruktur dan penyenggaraan seterusnya hendaklah mematuhi PB 8202.

(3) Di dalam bangunan yang dilindungi dengan sistem pemercik automatik, kaca tahan api boleh digunakan untuk pembinaan dinding ruang, lantai ruang, kawasan lobi penghenti asap, lobi memadam kebakaran, aci terlindung yang tidak mempunyai tangga kecemasan dan lif kecemasan, tertakluk kepada yang berikut:

- (a) dinding dan pintu hendaklah mempunyai ketahanan api yang perlu, termasuk penebatan, apabila tertakluk kepada ujian di bawah PB 476 bagi dinding dan PM 1073 bagi pintu; dan
- (b) dinding dan pintu hendaklah mematuhi kehendak Kelas A bagi prestasi hentaman apabila tertakluk kepada ujian di bawah PB 6206 atau PA 2208.

(4) Dinding, siling, penutup bumbung dan kemasan tidak boleh mengandungi apa-apa bahan plastik.

(5) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “PA” ertinya edisi Piawaian Australia yang terakhir diterbitkan.”

Pindaan undang-undang kecil 222

94. Undang-undang kecil 222 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong perkataan “:Bahagian 1:”.

Pindaan tajuk Bahagian VIII

95. Bahagian VIII Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan tajuk “PENGGERA KEBAKARAN, PENGESAN API, PEMADAM API DAN AKSES MENENTANG KEBAKARAN” dengan tajuk “PENGESAN API, PENGGERA KEBAKARAN DAN PEMADAM API”.

Pindaan undang-undang kecil 225

96. Undang-undang kecil 225 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “Pengesanan” perkataan “, memberi amaran”;
- (b) dengan menggantikan perenggan (1) dan (2) masing-masing dengan perenggan yang berikut:
 - “(1) Tiap-tiap bangunan hendaklah dilengkapi dengan cara-cara mengesan, memberi amaran dan memadam api mengikut kehendak yang dinyatakan dalam Jadual Kesepuluh Undang-Undang Kecil ini.”;
 - (2) Tiap-tiap bangunan hendaklah dilengkapi dengan sekurang-kurangnya satu pili bomba yang ditempatkan tidak lebih daripada 45 meter daripada tempat akses pasukan bomba, direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489. Dalam mana-mana hal, jarak di antara pili air hendaklah tidak lebih daripada 90 meter.”; dan
- (c) dalam perenggan (3), dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa Bomba” perkataan “K.P.B.P.”.

Undang-Undang kecil baru 226A

97. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 226 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem gelung
hos. 226A. Sistem gelung hos hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489.”.

Penggantian undang-undang kecil 227

98. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 227 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pemadam api
mudah alih. 227. Pemadam api mudah alih hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1539.”.

Penggantian undang-undang kecil 228

99. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 228 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem
semburan. 228. Sistem semburan hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1910.”.

Pindaan undang-undang kecil 229

100. Undang-undang kecil 229 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “18.3” perkataan “18”;
- (b) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “18.3” perkataan “18”; dan
- (c) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “45.75” perkataan “45”;

Penggantian undang-undang kecil 230

101. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 230 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem pancur
kering. 230. (1) Sistem pancur kering hendaklah disediakan dalam tiap-tiap bangunan yang mana tingkat paling atas yang diduduki adalah lebih daripada 18 meter tetapi kurang daripada 30 meter di atas paras akses perkakas bomba.

(2) Sistem pancur kering hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489 supaya setiap bahagian lantai berada tidak lebih daripada 45 meter jauhnya dari injap pelantar.”.

Penggantian undang-undang kecil 231

102. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 231 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem pancur
basah.

231. (1) Sistem pancur basah hendaklah disediakan dalam tiap-tiap bangunan yang mana tingkat paling tinggi yang diduduki adalah lebih daripada 30 meter di atas paras akses perkakas bomba.

(2) Sistem pancur basah hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489 supaya setiap bahagian lantai berada tidak lebih daripada 45 meter jauhnya dari injap pelantar.”.

Pemotongan undang-undang kecil 233

103. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 233.

Pemotongan undang-undang kecil 234

104. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 234.

Pindaan undang-undang kecil 235

105. Undang-undang kecil 235 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Pemasangan” perkataan “Sistem pemadaman”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “Pemasangan” perkataan “Sistem pemadaman”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “oleh Pihak Berkuasa Bomba” perkataan “dan diluluskan oleh K.P.B.P.”.

Pindaan undang-undang kecil 236

106. Undang-undang kecil 236 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa Bomba” perkataan “K.P.B.P.”.

Penggantian undang-undang kecil 237

107. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 237 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem
pengesan api
dan penggera
kebakaran.

237. Sistem pengesan api dan penggera kebakaran hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1745.”.

Penggantian undang-undang kecil 238

108. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 238 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pusat
pemerintahan
dan kawalan.

238. Dalam Jadual Kesepuluh Undang-Undang Kecil ini, suatu pusat pemerintahan dan kawalan hendaklah disediakan dan ditempatkan di atas tingkat tertentu dan hendaklah mengandungi suatu panel untuk mengawasi siaraya, interkom bomba, semburan, pengesan aliran air, pengesan api dan sistem penggera dan dihubungkan terus melalui sistem pengawasan berkomputer yang disambung kepada balai bomba yang berkenaan dengan membipas papan suis.”.

Pindaan undang-undang kecil 239

109. Undang-undang kecil 239 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “92.9” perkataan “100”.

Pindaan undang-undang kecil 240

110. Undang-undang kecil 240 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “929” perkataan “1000”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “elektrik yang” perkataan “mematuhi *IEC* 60947-3”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “*IEC*” ertinya edisi Piawaian *International Electrotechnical Commission* yang terakhir diterbitkan.”.

Pemotongan undang-undang kecil 242

111. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 242.

Pemotongan undang-undang kecil 243

112. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 243.

Undang-undang kecil baru 243A

113. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 243 undang-undang kecil yang berikut:

“Cara gerakan
kecemasan
jika berlaku
kerosakan
kuasa sesalur.

243A. (1) Apabila berlaku kerosakan pada kuasa sesalur, semua lif hendaklah kembali terus mengikut rentetannya ke lantai tentuan, bermula dengan lif bomba, tanpa menyahut apa-apa panggilan kereta atau pelantar dan berhenti dengan pintu terbuka.

(2) Selepas semua lif berhenti, lif yang menggunakan kuasa kecemasan hendaklah menyambung semula perjalanan biasa:

Dengan syarat bahawa jika kuasa kecemasan yang mencukupi boleh didapati untuk perjalanan semua lif, cara gerakan ini tidak perlu dipakai.”.

Pemotongan undang-undang kecil 244

114. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 244.

Penggantian undang-undang kecil 245

115. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 245 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Kelulusan
K.P.B.P.

245. (1) Apa-apa pembinaan, pembangunan atau pemasangan peralatan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran selain daripada yang menepati kehendak yang diperuntukkan dalam Bahagian VII dan VIII Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada dan diluluskan oleh K.P.B.P. sebelum memulakan kerja.

(2) Pelan, lukisan dan kiraan bagi semua pemasangan menentang kebakaran hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Bomba mengikut cara yang ditetapkan oleh K.P.B.P. sebelum memulakan kerja.”.

Pemotongan undang-undang kecil 246

116. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 246.

Pemotongan undang-undang kecil 247

117. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 247.

Pindaan undang-undang kecil 248

118. Undang-undang kecil 248 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “dicat merah” perkataan “dikenal pasti dengan warna merah”; dan
- (b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa Bomba” perkataan “K.P.B.P.”.

Penggantian undang-undang kecil 251

119. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 251 dengan undang-undang kecil yang berikut:

- | | |
|--|--|
| “Liang asap untuk mencegah pengumpulan asap yang membahayakan. | 251. Di mana dinyatakan keperluan mengadakan sistem kawalan asap, ianya hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1780.”. |
|--|--|

Pemotongan undang-undang kecil 252

120. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 252.

Undang-undang kecil baru 252A

121. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan sebelum undang-undang kecil 253 undang-undang kecil yang berikut:

- | | |
|-------------------------|--|
| “Atrium dalam bangunan. | 252A. Suatu atrium boleh dibenarkan dalam sesuatu bangunan dengan syarat bahawa— |
|-------------------------|--|
- (a) dimensi secara mendatar adalah tidak kurang daripada 6 meter dan keluasan bukaan adalah tidak kurang daripada 95 meter persegi;
 - (b) tempat keluar adalah dikepong secara berasingan dari atrium walaupun akses keluar boleh berada di dalam atrium;
 - (c) atrium adalah terbuka dan tidak terhalang;
 - (d) bangunan adalah dilindungi secara penuhnya dengan semburan automatik;
 - (e) semburan boleh ditinggalkan bagi siling atrium jika ia tidak lebih daripada 17 meter di atas lantai;
 - (f) suatu kawalan asap atau sistem salur penyedut asap bagi atrium dan ruang-ruang bersebelahan disediakan sebagaimana Jadual 1 di bawah atau piawaian-piawaian lain yang diluluskan;

- (g) kawalan asap atau sistem salur penyedut asap hendaklah diaktifkan dengan—
- (i) pengesan asap yang terletak di atas atrium dan bersebelahan dengan tiap-tiap pengambilan udara kembali dari atrium;
 - (ii) sistem semburan automatik;
 - (iii) sistem pengesan automatik (tetapi bukan sistem pecah kaca yang beroperasi secara manual); dan
 - (iv) kawalan manual yang tersedia didapati oleh Pihak Berkuasa Bomba; dan
- (h) atrium diasingkan daripada ruang-ruang yang bersebelahan dengan penghalang api yang bersifat satu jam ketahanan api kecuali bahawa—
- (i) mana-mana tiga paras bangunan boleh terbuka secara terus kepada atrium tanpa kepungan; dan
 - (ii) dinding kaca boleh digunakan sebagai ganti kepada penghalang api di mana semburan automatik diruangkan 1.8 meter atau kurang berjauhan sepanjang kedua-dua belah dinding kaca, tidak lebih daripada 0.3 meter dari kaca supaya permukaan kaca adalah basah apabila semburan berfungsi. Kaca itu hendaklah merupakan kaca apungan dipasang dengan suatu sistem gasket yang membenarkan bingkai untuk memesong tanpa kaca itu sebelum semburan berfungsi.

Jadual 1: SISTEM PENYEDUT ASAP ATRIUM

Ketinggian Atrium dalam M	Isipadu Atrium M padu	Sistem Penyedut Asap (mana-mana yang lebih besar)		Bekalan Udara (Paras yang Terendah)
		M padu/ Saat atau	Perubahan udara/ Jam	
17 atau kurang	17 atau kurang	19	6	Graviti – aliran semula jadi kerana perbezaan dalam ketumpatan. 75% daripada Penyedut
17 atau kurang	17 atau kurang	19	4	Graviti 17% daripada Penyedut
17 atau lebih	-	-	4	Mekanikal 75% daripada Penyedut”

Pindaan undang-undang kecil 253

122. Undang-undang kecil 253 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “didapati dalam tempoh 10 saat daripada” perkataan “ditukar kepada dalam tempoh 60 saat dengan serta-merta selepas”.

Undang-undang kecil baru 253A

123. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 253 undang-undang kecil yang berikut:

“Pencahaya-
kecemasan.

253A. Pencahaya-
kecemasan yang mencukupi hendaklah disediakan bagi tujuan menerangi pelepasan diri. Unit pencahaya-
kecemasan ini hendaklah mematuhi PM 619 jenis berkuasa sendiri atau dibekalkan kuasa dari jana kuasa atau bank bateri pusat. Dalam keadaan di mana bekalan kuasa terputus tempoh pencahaya-
kecemasan bagi menerangi pelepasan ini hendaklah tidak boleh kurang daripada satu jam.”.

Pindaan undang-undang kecil 256

124. Undang-undang kecil 256 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan “141” perkataan “134.”.

Penggantian undang-undang kecil 257

125. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 257 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pemakaian
piawaian atau
tata amalan.

257. Jika ada apa-apa piawaian atau tata amalan disebut di dalam Undang-Undang kecil ini, dan terdapat kemudiannya diterbitkan suatu Piawaian Malaysia yang bersamaan atau apa-apa piawaian atau tata amalan yang bersamaan yang boleh diterima oleh pihak berkuasa tempatan atau K.P.B.P., mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan hal perkara yang sama, Piawaian Malaysia atau piawaian atau tata amalan yang bersamaan itu hendaklah disifatkan sebagai mengatasi piawaian atau tata amalan yang disebut itu dan hendaklah dipatuhi.”.

Pindaan undang-undang kecil 258

126. Undang-undang kecil 258 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “pembinaan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pendirian”; dan
- (ii) dengan menomborkan semula subperenggan (aa), (bb) dan (cc) masing-masing sebagai subperenggan (i), (ii) dan (iii).

(b) dalam perenggan (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “pembinaan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pendirian”; dan
- (ii) dengan menomborkan semula subperenggan (aa), (bb) dan (cc) masing-masing sebagai subperenggan (i), (ii) dan (iii).

(c) dengan menggantikan perenggan (6) perenggan yang berikut:

“(6) Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seperti disebut di bawah perenggan (1)(a) undang-undang kecil 2F atau perenggan (1)(a) undang-undang kecil (7) hendaklah tertakluk kepada peruntukan yang sama seperti yang dinyatakan di bawah undang-undang kecil ini.”.

Pindaan Jadual Pertama

127. Jadual Pertama Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

- (i) dengan menggantikan perkataan “fee” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “fi”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “paragraf” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “perenggan”;
- (iii) dengan menggantikan perkataan “subparagraf” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “subperenggan”; dan
- (iv) dengan menggantikan perkataan “baharu” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “baru”;

(b) dalam perenggan (1)—

- (i) dalam butiran Tingkat Bawah, dengan menggantikan perkataan “\$7.00” dan “\$70.00” masing-masing dengan perkataan “\$14.00” dan “\$140.00”;
- (ii) dalam butiran Tingkat Pertama, dengan menggantikan perkataan “\$6.00” dan “\$60.00” masing-masing dengan perkataan “\$12.00” dan “\$120.00”;
- (iii) dalam butiran Tingkat Kedua, dengan menggantikan perkataan “\$5.00” dan “\$50.00” masing-masing dengan perkataan “\$10.00” dan “\$100.00”;
- (iv) dalam butiran Tingkat Ketiga, dengan menggantikan perkataan “\$4.00” dan “\$40.00” masing-masing dengan perkataan “\$8.00” dan “\$80.00”; dan
- (v) dalam butiran Tingkat Keempat dan tingkat atasnya atau tingkat bawah tanah, dengan menggantikan perkataan “\$3.00” dan “\$30.00” masing-masing dengan perkataan “\$6.00” dan “\$60.00”;

- (c) dalam perenggan (6),—
 - (i) dalam butiran (4)(a), dengan menggantikan perkataan “\$18.00” perkataan “\$36.00”;
 - (ii) dalam butiran (4)(b), dengan menggantikan perkataan “\$18.00” perkataan “\$36.00”; dan
 - (iii) dalam subperenggan (5), dengan menggantikan perkataan “\$25.00” perkataan “\$50.00”;
- (d) dalam perenggan (7), dengan menggantikan perkataan “\$25.00” perkataan “\$50.00”;
- (e) dalam perenggan (8), dengan menggantikan perkataan “\$3.00” perkataan “\$6.00”;
- (f) dalam subperenggan (10)(1), dengan menggantikan perkataan “\$60.00” perkataan “\$120.00”;
- (g) dalam perenggan (11),—
 - (i) dalam butiran (3)(i), dengan menggantikan perkataan “\$50.00” perkataan “\$100.00”;
 - (ii) dalam butiran (3)(ii), dengan menggantikan perkataan “\$100.00” perkataan “\$200.00”;
 - (iii) dalam subperenggan (4), dengan menggantikan perkataan “\$50.00” perkataan “\$100.00”;
- (h) dalam perenggan (12), dengan menggantikan perkataan “\$50.00” perkataan “\$100.00”;
- (i) dalam perenggan (13),—
 - (i) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “\$50.00” perkataan “\$100.00”;
 - (ii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “\$20.00” perkataan “\$40.00”;
 - (iii) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan perkataan “\$18.00” perkataan “\$36.00”;
 - (iv) dalam subperenggan (d),
 - (A) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “baharu” perkataan “baru”; dan
 - (B) dengan menggantikan perkataan “\$100.00” perkataan “\$200.00”;
 - (v) dalam subperenggan (e), dengan menggantikan perkataan “\$5.00” perkataan “\$10.00”;
 - (vi) dalam subperenggan (f), dengan menggantikan perkataan “\$50.00” perkataan “\$100.00”;

- (vii) dalam subperenggan (*g*), dengan menggantikan perkataan “\$3.00” perkataan “\$6.00”;
- (viii) dalam subperenggan (*h*), dengan menggantikan perkataan “\$5.00” dan “\$50.00” masing-masing dengan perkataan “\$10.00” dan “\$100.00”;
- (j) dengan memotong perenggan (14); dan
- (k) dalam perenggan (16), dengan menggantikan perkataan “\$50.00” perkataan “\$100.00”.

Pindaan Jadual Kedua

128. Jadual Kedua Undang-Undang Kecil Ibu dipinda—

- (a) dalam Borang A—
 - (i) dalam tajuk borang, dengan memasukkan sebelum perkataan “BANGUNAN” perkataan “PERUNTUHAN/”; dan
 - (ii) dengan memasukkan sebelum perkataan “3(1)(c)” perkataan “2B(2),”; dan
- (b) dalam Borang B dengan menggantikan perkataan “22(1) dan (2)” perkataan “2D dan 22”.

Pemotongan Jadual Keempat

129. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong Jadual Keempat.

Pindaan Jadual Kelima

130. Jadual Kelima Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (I) dengan perenggan yang berikut:

“I. Kediaman kecil

Rumah tempat tinggal persendirian yang berasingan atau berkembar atau teres.”;
- (b) dalam perenggan (II),—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “sekolah” perkataan “,kolej, perpustakaan, rumah rawatan”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “digunakan sebagai” perkataan “tempat pendidikan atau”;
- (c) dalam perenggan (III), dengan memasukkan selepas perkataan “I dan II” perkataan “, termasuk hotel, asrama, dormitori, pangsapuri, rumah pangsa, rumah orang tua dan anak yatim”;

- (d) dalam perenggan (V), dengan menggantikan perkataan “yang dengan ini bererti premis yang bukan sebuah kedai tetapi” perkataan “kompleks membeli-belah, plaza makanan, pasar basah dan kering, premis-premis yang”; dan
- (e) dalam perenggan (VII), dengan memasukkan selepas perkataan “I hingga VI” perkataan “, termasuk pusat konvensyen, muzium, galeri seni, panggung wayang, dewan, auditorium, tempat beribadat, terminal penumpang pengangkutan”.

Penggantian Jadual Ketujuh

131. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketujuh dengan Jadual yang berikut:

JADUAL KETUJUH

JARAK PERJALANAN MAKSIMUM

(Undang-undang kecil 165(4), 166(2), 167(1), 170(b))

Kumpulan Maksud	Had apabila pintu-pintu keluar alternatif tersedia		
	(1) *Had Jalan Mati (meter)	(2) Tidak di sembur	(3) (meter) Di sembur
I. Kediaman Kecil.....	TK	TK	TK
II. Institusional			
Hospital, Rumah Rawatan dll.....	15	30	45
Sekolah	15	45	75
Pelan Terbuka	TK	30	45
Pelan Fleksibel	TK	45	60
III. Kediaman lain			
Hotel	15	30	45
Rumah Pangsa	20	30	75
Dormitori	15	45	75
IV. Pejabat	15	45	75
V. Kedai	15	45	60
VI. Kilang.....			
Maksud Am dan Khas	15	30	60
Bahaya Tinggi.....	0	22	35
Struktur Terbuka	TK	TK	TK
VII. Tempat Perhimpunan	15	45	60

Kumpulan Maksud	Had apabila pintu-pintu keluar alternatif tersedia		
	(1) *Had Jalan Mati (meter)	(2) Tidak di sembur	(3) (meter) Di sembur
VIII. Storan dan Am			
Bahaya Rendah dan Biasa	15	30	60
Bahaya Tinggi.....	10	20	35
Garaj Letak Kereta	15	45	60
Bangsai Kapal Terbang (Tingkat Bawah).....	15	30+	45+
Bangsai Kapal Terbang (Tingkat Mezanin).....	15	20	20

TK–Tiada keperluan atau tidak terpakai.

- * Had jalan mati hendaklah merupakan jarak kepada tempat keluar sesuatu tingkat atau ke takat di mana cara melepaskan diri alternatif tersedia dengan syarat bahawa jumlah jarak perjalanan hendaklah tidak melebihi had-had di bawah (2).
- + Merujuk hanya kepada bangsai kapal terbang. Di dalam sesuatu bangunan digunakan untuk memasang kapal terbang atau kediaman lain yang memerlukan kawasan lantai yang tidak berbahagi yang sebegitu besar supaya jarak daripada titik dalam kawasan itu kepada dinding luar yang terdekat di mana tempat keluar boleh disediakan adalah melebihi keperluan 45 meter bagi jarak ke tempat keluar boleh dipenuhi dengan menyediakan tangga menuju ke terowong keluar atau kepada laluan atas. Dalam hal di mana persediaan tidak praktikal, persediaan lain bagi bangunan satu tingkat, dengan jarak yang melebihi maksimum, jarak perjalanan yang tidak lebih daripada 30 meter atau 45 meter dalam bangunan yang dilindungi oleh sistem semburan automatik lengkap, boleh dibenarkan jika perlindungan semburan automatik disediakan dan jika tinggi siling, papan tabir dan bumbung penggantian udara adalah sedemikian bagi mengurangkan kemungkinan kemerebakan api atau asap terhadap pekerja-pekerja dalam paras lantai 1.8 meter sebelum mereka mempunyai masa untuk sampai ke tempat keluar dengan syarat bahawa tidak boleh dalam sebarang hal jarak perjalanan untuk sampai ke tempat keluar yang walaupun terdekat melebihi 120 meter.

Dalam pelan terbuka jarak terus hendaklah dua pertiga jarak perjalanan.

JADUAL KETUJUH

HITUNGAN BEBAN PENDUDUKAN DAN MUATAN PINTU KELUAR

(Undang-undang kecil 167(2), 168(2), 170(c), 171(c), 175)

Kumpulan Maksud	Beban pendudukan semeter persegi	MUATAN KELUAR Bil. Orang-orang seunit–Lebar Tempat Keluar					
		Pintu-pintu luar	Tempat Keluar Mendatar	Landas Angkat Tempat Keluar Utama	Landas Angkat Tempat Keluar Kedua	Eskalator	Tangga
I. Kediaman Kecil	TK	TK	TK	TK	TK	TK	TK
II. Institusional.....		100	100	100	60	-	60
Keluasan bilik darjah	2 bersih						
Bengkel dan kawasan Vokasional	4.5 bersih						

<i>Kumpulan Maksud</i>	<i>Beban pendudukan semeter persegi</i>	MUATAN KELUAR <i>Bil. Orang-orang seunit–Lebar Tempat Keluar</i>					
		<i>Pintu-pintu luar</i>	<i>Tempat Keluar Mendatar</i>	<i>Landas Angkat Tempat Keluar Utama</i>	<i>Landas Angkat Tempat Keluar Kedua</i>	<i>Eskalator</i>	<i>Tangga</i>
Taman Asuhan Harian dengan kemudahan tempat tidur.....	3.5 bersih						
Hospital	-	30	30	30	30	-	15
Jabatan Tempat Tidur.....	12 kasar						
Jabatan Pesakit Dalam.....	24 kasar						
III. Kediaman Lain	20 kasar	50	50	50	50	45	30
Rumah pangsa	24 kasar						
Kawasan awam am dalam Hotel (Bilik tidur dalam hotel dengan 2 orang sebilik)	24 kasar						
IV. Pejabat.....	10 kasar (4)	100	100	100	60	60	60
V. Kedai	-	100	100	100	60	60	60
Lantai paras jalan dan tingkap jualan bawah tanah	3 kasar (4)						
Lantai-lantai lain	6 kasar (4)						
Penstoran dan perkapalan...	10 kasar						
VI. Kilang	10 kasar	100	100	100	60	60	60
	1.5 bersih	100	100	100	75	75	75
VII. Tempat perhimpunan							
Tempat kegunaan tertumpu	0.7 bersih						
tanpa tempat duduk tetap	0.3 bersih						
Kawasan berdiri							

TK–Tiada keperluan atau tidak terpakai.

Tempat keluar diukur mengikut unit selebar 550 milimeter.

Keluasan sesuatu laluan ke tempat keluar hendaklah sekurang-kurangnya 700 milimeter.

Muatan mengikut bilangan orang bagi satu unit lebar tempat keluar berbeza daripada 30 orang bagi satu unit tempat keluar untuk hospital hingga 100 orang bagi satu unit lebar tempat keluar untuk bangunan pejabat, bangunan perhimpunan untuk perjalanan mengikut arah mendatar.

Bagi perjalanan mengikut arah kecondongan–22 orang bagi satu unit lebar pintu keluar dalam hospital hingga 75 orang satu unit lebar tempat keluar dalam tempat-tempat perhimpunan.

Tempat keluar utama 50% daripada jumlah lebar tempat keluar yang dikehendaki.

Pada menentukan unit lebar tempat keluar bagi sesuatu muka pintu bagi tempat keluar, hanya lebar bersih muka pintu itu hendaklah diukur apabila pintu itu dalam keadaan terbuka.

Tidak termasuk mana-mana kawasan pendudukan yang menggunakan tangga, lif, kediaman yang bersih dan ruang-ruang lain yang dipenuhi oleh mesin bagi sesuatu lif, sistem penyaman udara atau perkhidmatan yang serupa bangunan itu.

Pindaan Jadual Kelapan

132. Jadual Kelapan Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam “PENETAPAN-PENETAPAN ANDAIAN BINAAN BUMBUNG” dengan memotong Bahagian II hingga Bahagian IV.

Pindaan Jadual Kesembilan

133. Jadual Kesembilan Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan Jadual kepada “HAD-HAD KOMPATMEN DAN TEMPOH MINIMUM KETAHANAN API BAGI ELEMEN DAN STRUKTUR” dengan Jadual yang berikut:

JADUAL KESEMBILAN

HAD-HAD KOMPATMEN DAN TEMPOH MINIMUM KETAHANAN API BAGI ELEMEN DAN STRUKTUR

(Undang-undang kecil 143(3), 147, 158(1), 162, 213, 216(2))

(Tempoh minimum ketahanan api)

Dalam Jadual ini—

“keluasan lantai” ertinya keluasan lantai setiap tingkat dalam bangunan itu atau, jika bangunan itu dibahagikan kepada petak-petak, setiap tingkat dalam petak itu yang mana elemen struktur itu menjadi sebahagian;

“muatan kubik” ertinya muatan kubik bangunan itu atau, jika bangunan itu dibahagikan kepada petak-petak, petak yang mana elemen struktur itu menjadi sebahagian;

“TH” ertinya tiada had penggunaan;

“tinggi” mempunyai erti yang diberikan kepada ungkapan itu oleh paragraf (2) undang-undang kecil 215.

BAHAGIAN 1—BANGUNAN SELAIN DARIPADA BANGUNAN SATU TINGKAT

Kumpulan Maksud (1)		Ukuran maksimum			Tempoh minimum ketahanan api (mengikut jam) bagi elemen struktur (*) yang menjadi sebahagian daripada –	
		Tinggi (mengikut meter) (2)	Keluasan lantai (mengikut meter ²) (3)	Muatan kubik (mengikut meter ³) (4)	Tingkat bawah atau tingkat atas (5)	Stor tingkat bawah tanah (6)
I.	(Kediaman kecil)					1(a)
	Rumah yang mempunyai tidak lebih daripada tiga tingkat	TH	TH	TH	½	

Kumpulan Maksud		Ukuran maksimum			Tempoh minimum ketahanan api (mengikut jam) bagi elemen struktur (*) yang menjadi sebahagian daripada –	
		Tinggi (mengikut meter) (2)	Keluasan lantai (mengikut meter ²) (3)	Muatan kubik (mengikut meter ³) (4)	Tingkat bawah atau tingkat atas (5)	Stor tingkat bawah tanah (6)
(1)						
	Rumah yang mempunyai empat tingkat	TH	250	TH	1(b)	1
	Rumah yang mempunyai apa-apa bilangan tingkat	TH	TH	TH	1	1½
II.	(Institusional)	28	2000	TH	1	1½
		melebihi 28	2000	TH	1½	2
III.	(Kediaman lain)					
	Bangunan atau sebahagiannya (†) yang mempunyai tidak lebih daripada dua tingkat	TH	500	TH	½	1
	Bangunan atau sebahagiannya (†) yang mempunyai tiga tingkat	TH	250	TH	1(b)	1
	Bangunan yang mempunyai apa-apa bilangan tingkat	28	3000	8500	1	1½
	Bangunan yang mempunyai apa-apa bilangan tingkat	TH	2000	5500	1½	2
IV.	(Pejabat)	7.5	250	TH	½	1(a)
		7.5	500	TH	½	1
		15	TH	3500	1(b)	1
		28	5000	14000	1	1½
		TH	TH	TH	1½	2
V.	(Kedai)	7.5	150	TH	½	1(a)
		7.5	500	TH	½	1
		15	TH	3500	1(b)	1
		28	1000	14000	1	2
		TH	2000	TH	2	4

Kumpulan Maksud (1)		Ukuran maksimum			Tempoh minimum ketahanan api (mengikut jam) bagi elemen struktur (*) yang menjadi sebahagian daripada –	
		Tinggi (mengikut meter) (2)	Keluasan lantai (mengikut meter ²) (3)	Muatan kubik (mengikut meter ³) (4)	Tingkat bawah atau tingkat atas (5)	Stor tingkat bawah tanah (6)
VI.	(Kilang)	7.5	250	TH	½	1(a)
		7.5	TH	1700	½	1
		15	TH	4250	1(b)	1
		28	TH	8500	1	2
		28	TH	28000	2	4
		melebihi 28	2000	5500	2	4
VII.	(Tempat Perhimpunan)	7.5	250	TH	½	1(a)
		7.5	500	TH	½	1
		15	TH	3500	1(b)	1
		28	5000	7000	1	1½
		TH	TH	7000	1½	2
VIII.	(Storan dan Am)	7.5	150	TH	½	1(a)
		7.5	300	TH	½	1
		15	TH	1700	1(b)	1
		15	TH	3500	1	2
		28	TH	7000	2	4
		28	TH	21000	4(c)	4
		melebihi 28	1000	TH	4(c)	4

Nota kepada Bahagian 1

Bagi maksud perenggan (2) undang-undang kecil 142 tempoh ketahanan api yang dikira sebagai relevan kepada sesuatu elemen struktur ialah tempoh yang termasuk dalam ruang (5) atau (6), yang mana sesuai, mengikut garisan catatan yang menetapkan ukuran-ukuran yang dengan semuanya adalah selaras atau, jika ada dua atau lebih garisan tersebut, mengikut yang tinggi sekali daripada garisan-garisan itu.

(*) Sesuatu lantai yang terdekat di atas tingkat bawah tanah hendaklah disifatkan sebagai suatu elemen struktur yang menjadi sebahagian daripada suatu tingkat bawah tanah.

- (†) Ungkapan “bahagian” ertinya suatu bahagian yang diasingkan seperti diperihalkan dalam perenggan (2) undang-undang kecil 215.
- (a) Tempohnya ialah setengah jam bagi elemen yang menjadi sebahagian tingkat bawah tanah yang mempunyai suatu keluasan tidak melebihi 50 m².
- (b) Tempoh ini dikurangkan kepada setengah jam berkenaan dengan sesuatu lantai yang bukan suatu lantai petak, kecuali mengenai rasuk yang menyangga lantai atau mana-mana bahagian lantai yang menyumbang kepada sokongan struktur bangunan itu keseluruhannya.
- (c) Tiada ketahanan api dikehendaki jika elemen itu menjadi sebahagian tingkat bawah tanah yang mempunyai suatu keluasan tidak melebihi 50 m²/Tempoh ketahanan api boleh dikurangkan kepada 2 jam bagi bangunan terbuka yang hanya digunakan sebagai tempat letak kereta.

BAHAGIAN 2–BANGUNAN SATU TINGKAT

Kumpulan maksud (1)		Maksimum keluasan lantai (mengikut m ²) (2)	Tempoh minimum ketahanan api (mengikut jam) bagi elemen struktur (3)
I.	Kediaman kecil	TH	½
II.	Institusional	3000	½
III.	Kediaman lain	3000	½
IV.	Pejabat	3000	½
		TH	1
V.	Kedai	2000	½
		3000	1
		TH	2
VI.	Kilang	2000	½
		3000	1
		TH	2
VII.	Tempat Perhimpunan	3000	½
		TH	1
VIII.	Storan dan am	500	½
		1000	1
		3000	2
		TH	4(a)

Nota kepada Bahagian 2

Bagi maksud perenggan (2) undang-undang kecil 142, tempoh ketahanan api yang dikira sebagai relevan kepada suatu elemen struktur ialah tempoh yang termasuk dalam ruang (3) mengikut garisan catatan yang menetapkan keluasan lantai yang dengannya adalah selaras atau, jika ada dua atau lebih garisan tersebut.

- (a) Tempoh ketahanan api boleh dikurangkan kepada 2 jam bagi bangunan terbuka yang hanya digunakan sebagai tempat letak kereta.”

- (b) dengan menggantikan Nota kepada Jadual Siling Gantung dengan Nota yang berikut:

“Nota:

- (1) Sebutan kepada kelas-kelas adalah kepada kelas-kelas yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 204.
- (2) Bagi ruang di atas siling gantung yang dilindungi oleh sistem semburan automatik, ianya hendaklah dikecualikan dari kehendak-kehendak untuk pengelasan tidak mudah terbakar dan pengelasan sekatan kemerebakan api di permukaan dengan syarat siling itu tidak terletak di atas laluan keluar kecemasan, lobi terlindung atau lain-lain laluan pelepasan diri yang terlindung.”; dan

- (c) dalam Bahagian I Jadual kepada “TEMPOH ANDAIAN KETAHANAN API”, dalam subperenggan B—

- (i) dalam butiran 4, dengan memotong perkataan “9 mm papan tebatan asbestos” dan “ $\frac{1}{2}$ ”;
- (ii) dengan menggantikan subbutiran 5(e) dengan subbutiran yang berikut:

“(e) 12.5 mm papan plaster—

tidak berplaster	$\frac{1}{2}$
dengan plaster gypsum setebal 12.5 mm	1”; dan

- (iii) dengan memotong subbutiran 5(j) dan (k).

Pindaan Jadual Kesepuluh

131. Jadual Kesepuluh Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan Jadual kepada “JADUAL MENGENAI KEHENDAK-KEHENDAK BAGI SISTEM PEMADAMAN API, SISTEM PENGGERA DAN KEBAKARAN DAN PENCAHAYAAN KECEMASAN” kepada Jadual yang berikut:

JADUAL KESEPULUH

JADUAL MENGENAI KEHENDAK-KEHENDAK BAGI SISTEM-SISTEM PENGESAN API, PENGGERA KEBAKARAN DAN PEMADAMAN API

(Undang-undang kecil 225(1), 238)

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
I. KEDIAMAN KECIL		
(i) Kediaman persendirian sehingga 2 tingkat		
(a) Jenis Teres	(Lihat Nota 5)	-
(b) Rumah Sebandung	(Lihat Nota 5)	-

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
(c) Berasingan	(Lihat Nota 5)	-
(ii) Kediaman persendirian yang lebih daripada 2 tingkat	(Lihat Nota 5)	(Lihat Nota 6)
II. INSTITUSIONAL		
1. Pendudukan Pelajaran		
(i) Bilik atau dewan digunakan bagi maksud-maksud pengajaran sahaja.		
(a) Rekabentuk koridor terbuka		
(A) 2 tingkat dan ke bawah	-	-
(B) 3 hingga 5 tingkat	A	1
(C) 6 tingkat dan ke atas	A	1 & 2
(b) Rekabentuk lain		
(A) Dua atau lebih tingkat	-	-
(B) Kurang daripada 1,000 m persegi bagi satu tingkat	A	1
(C) 1,000 m persegi sehingga 2,000 m persegi bagi satu tingkat	A	1 & 2
(D) Melebihi 2,000 m persegi bagi satu tingkat atau tingginya lebih daripada 30 m	A & B	1, 3, 4 & 5
(ii) Kantin/dapur berasingan	-	-
(iii) Makmal dan Bengkel (keluasan jumlah lantai bagi satu blok)		
(a) Makmal dan bengkel kurang berbahaya seperti makmal fizik, makmal elektronik, makmal computer dan juga untuk kerja logam yang mempunyai keluasan lantainya lebih daripada 1,000 m persegi	A	1 & 2
(b) Makmal dan bengkel yang berbahaya seperti makmal kimia dan untuk kerja-kerja kayu		
(A) Kurang daripada 1,000 m persegi	-	-
(B) 1001 hingga 2,000 m persegi	A	1 & 2
(C) Melebihi 2,000 m persegi	A & B	1 & 3
(iv) Perpustakaan (keluasan jumlah lantai)		
(a) Kurang daripada 500 m persegi	-	-
(b) 501 m persegi hingga 1,000 m persegi	A	1
(c) 1001 m persegi hingga 2,000 m persegi	A	1 & 2
(d) Melebihi 2,000 m persegi	A & B	1, 3, 4 & 5

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
(v) Sekolah Vokasional (keluasan jumlah lantai)		
(a) Bengkel yang berbahaya rendah seperti untuk kerja logam dengan keluasan lantainya melebihi 1,000 m persegi	A	1 & 2
(b) Makmal dan bengkel yang berbahaya seperti untuk kerja-kerja kayu		
(A) Kurang daripada 1,000 m persegi	-	-
(B) 1001 hingga 2,000 m persegi	A	1 & 2
(C) Melebihi 2,000 m persegi	A & B	1 & 3
(vi) Dewan serbaguna (keluasan jumlah lantai)		
(a) Satu tingkat dan kurang daripada 2,000 m persegi	-	-
(b) 2 tingkat dan lebih atau melebihi 2,000 m persegi	A	1
(vii) Bangunan dengan penyaman udara pusat (keluasan jumlah lantai)		
(a) Kurang daripada 1,000 m persegi	-	-
(b) 1,001 m persegi hingga 2,000 m persegi	A	1 & 2
(c) melebihi 2,000 m persegi	A & B	1, 3, 4 & 5
(viii) Institusi Pelajaran dalam kompleks pejabat dan kompleks membeli belah	Hendaklah dianggap sebagai sebahagian risiko keseluruhan di dalam kompleks.	
2. HOSPITAL DAN RUMAH RAWATAN (keluasan jumlah lantai)		
(i) Klinik-jagaan harian	-	-
(a) 500 m persegi hinggan 1,000 m persegi	A	1
(b) 1,001 m persegi hingga 2,000 m persegi	A	1 & 2
(c) melebihi 2,000 m persegi	A & B	1, 3, 4 & 5
(ii) Rawatan pesakit dalam		
(a) Sebahagian kompleks pejabat atau membeli belah	Hendaklah dianggap sebagai sebahagian risiko keseluruhan dengan kehendak-kehendak khas untuk pencahayaan kecemasan, lif usungan, dll.	

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
(b) Tidak melebihi 250 m persegi bagi satu tingkat (A) Satu tingkat (B) 2 tingkat (C) 3 atau 5 tingkat (D) 6 tingkat dan melebihi (c) Melebihi 250 m persegi bagi satu tingkat (A) Satu tingkat (B) 2 tingkat (C) 3 atau 4 tingkat (D) 5 tingkat dan melebihi	- - A A & B - A A A & B	- 1 1 & 2 1, 3, 4 & 5 - 1 1 & 3 1, 3, 4 & 5
NOTA: (i) Kemudahan lif usungan hendaklah disediakan bagi bangunan lebih 4 tingkat. (ii) Semua sistem penggera dalam wad hendaklah terdiri daripada jenis petunjuk isyarat.		
III. KEDIAMAN LAIN 1. Hotel (i) Rekabentuk koridor terbuka dengan tangga terbuka dengan lobi yang dipanjangkan atau tangga menara (a) 1 hingga 3 tingkat (A) 50 bilik atau kurang bagi satu blok (B) Lebih daripada 50 bilik bagi satu blok (b) 4 atau 5 tingkat (A) 20 bilik atau kurang bagi satu blok (B) 21 hingga 50 bilik bagi satu blok (C) 51 bilik dan lebih bagi satu blok (c) 6 hingga 10 tingkat (A) 50 bilik atau kurang bagi satu blok (B) 51 bilik dan lebih bagi satu blok	- A - A A A A & B	(Lihat Nota 7) (Lihat Nota 7) (Lihat Nota 7) (Lihat Nota 7) 1 & 2 1 & 2 1, 3, 4 & 5

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
(d) 11 Tingkat dan melebihi (ii) Reka bentuk lain (a) Kurang daripada 10 bilik bagi satu blok (b) 11 bilik hingga 20 bilik bagi satu blok (c) 21 bilik hingga 50 bilik bagi satu blok (d) 51 bilik dan lebih bagi satu blok (A) 3 tingkat dan kurang (B) 4 tingkat dan lebih atau tingginya melebihi 18 m (iii) Hotel di atas pendudukan kedai atau pejabat 2. Asrama, Dormitori, Rumah Orang Tua dan Anak Yatim (i) (a) Satu tingkat (b) 2 atau 3 tingkat (c) 4 atau 5 tingkat (A) Kurang daripada 250 m persegi bagi satu tingkat (B) Lebih daripada 250 m persegi bagi satu tingkat (d) 6 hingga 10 tingkat (e) 11 tingkat dan lebih (ii) Rekabentuk koridor terbuka 11 tingkat dan lebih dan bagi rekabentuk lain-lain 6 tingkat dan lebih	A & B - - A A A & B Tetapi tidak kurang daripada yang dikehendaki bagi risiko pendudukan keseluruhan atau 1 & 2 di atas - A A A A & B A & B	1, 3, 4 & 5 (Lihat Nota 7) 1 & 2 1 & 2 1 & 2 1, 3, 4 & 5 1, 3, 4 & 5 - 1 1, (Lihat Nota 7) 1 & 2 1 & 2 1, 3, 4 & 5 1, 3, 4 & 5
NOTA: Hotel di tempat-tempat yang tidak boleh sampai dalam masa yang munasabah atau tidak boleh akses kepada jenis dan bilangan perkakas bomba yang dikehendaki adalah dikehendaki menyediakan standard perlindungan lebih tinggi sebagaimana dikehendaki oleh K.P.B.P.		
3. Pangsapuri dan Rumah Pangsa (i) Pangsapuri/Rumah Pangsa 5 tingkat dan ke bawah (ii) Rekabentuk koridor terbuka (a) Pangsapuri/Rumah Pangsa 6 tingkat hingga 10 tingkat atau ketinggian kurang daripada 30 m	(Lihat Nota 5) - A, (Lihat Nota 5)	- - 1

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
(b) Pangsapuri melebihi 10 tingkat atau 30 m	A, (Lihat Nota 5)	1
(iii) Tangga dalam atau reka bentuk teras		
(a) 6 tingkat hingga 10 tingkat atau kurang daripada 30 m	A, (Lihat Nota 5)	1
(b) Melebihi 10 tingkat atau ketinggian 30 m	A, (Lihat Nota 5)	1, 2 & 5
(iv) Dupleks atau unit berbilang tingkat	(-)	(Lihat Nota 6)
(v) Pangsapuri dengan sistem hawa dingin berpusat menggunakan sistem sesalur		
(a) 3 tingkat hingga 5 tingkat	A	1
(b) 6 hingga 10 tingkat (kurang daripada 30 m)	A	1 & 2
(c) 11 tingkat dan melebihi	A & B	1, 3 & 5
IV. PEJABAT (keluasan lantai kasar keseluruhan)		
1. 4 tingkat dan kurang atau kurang daripada 1,000 m persegi	-	-
2. 5 tingkat dan lebih atau melebihi 1,000 m persegi	A	1
3. Melebihi 18 m tetapi kurang daripada 10,000 m persegi	A	1 & 2
4. Melebihi 30 m atau melebihi 10,000 m persegi	A & B	1, 3, 4 & 5
V. KOMPLEKS MEMBELI-BELAH, KEDAI DAN PASAR		
1. (i) Keluasan lantai tidak melebihi 250 m persegi bagi satu lantai yang dibina sebagai petak berasingan dengan bangunan kurang daripada 4 1/2 tingkat atau ketinggiannya 18 m	-	-
(ii) Kombinasi kedai tingkat bawah dan/atau kediaman dan/atau pejabat di atas tingkat atas	-	-
2. Satu tingkat		
(i) Kurang daripada 750 m persegi	-	-
(ii) 750 hingga 1000 m persegi	(Lihat Nota 8)	-
(iii) 1,001 hingga 2,000 m persegi	A	1 & 2
(iv) Lebih daripada 2,000 m persegi	A & B	1 & 3

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
(ii) Setiap keluasan lantan 500–1,000 m persegi	A	1 & 2
(iii) Melebihi 1,000 m persegi bagi satu keluasan lantai	A & B	1, 3 & 5
4. Blok Kilang Bertingkat		
(i) 2 tingkat dan lebih		
(a) Kurang daripada 500 m persegi bagi satu kompartmen	(Lihat Nota 8)	1
(b) 500 – 1,000 m persegi bagi satu kompartmen	A	1
(c) Melebihi 1,000 m persegi bagi satu kompartmen	A & B	1, 3, 4 & 5
(d) Kompartmen melebihi 7,000 m padu	-	-
(ii) Tiga tingkat dan lebih	A & D	1 & 2
(a) dengan kompartmen melebihi 1,000 m persegi	A, B & D	1, 3, 4 & 5
(iii) Pemasangan kenderaan dan kilang-kilang sejenisnya		
(a) Kurang daripada 1,000 m persegi	-	-
(b) 1001 hingga 2,000 m persegi	(Lihat Nota 8)	-
(c) 2001 hingga 5,000 m persegi	A & D	1
(d) Melebihi 5,000 m persegi	A, B & D	1, 2, 3 & 5
5. Bahaya khas		
(i) Kompleks kilang seperti kompleks kilang kelapa sawit, kilang membersihkan minyak kelapa sawit, kilang gula, kerja simen	A & D	1
(ii) (a) Bangunan dengan prosesan basah	A	1
(b) Bangunan dengan prosesan bahaya	A, B, C atau D	1, 2, 3, 4, 5
NOTA: 1. Kilang-kilang yang bekerja selepas waktu gelap adalah dikehendaki menyediakan pencahayaan kecemasan sebagaimana dikehendaki oleh K.P.B.P. 2. Risiko khas atau prosesan merbahaya atau storan adalah dikehendaki bagi menyediakan perlindungan kebakaran sebagaimana dikehendaki oleh K.P.B.P.		

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
VII. TEMPAT PERHIMPUNAN 1. Tempat perhimpunan di bawah aras pelepasan kecemasan akhir yang mempunyai keluasan melebihi 500 m persegi (keluasan jumlah lantai) 2. Pusat Konvensyen, Pusat Masyarakat, Kelab-Kelab Persendirian, Pusat Pameran, Muzium dan Balai Seni (keluasan jumlah lantai) (i) Satu tingkat tidak melebihi 1,000 m persegi (ii) Satu tingkat 1,001 m persegi hingga 2,000 m persegi (iii) 2 tingkat dan lebih atau tidak melebihi 2,000 m persegi 3. Teater, Panggung Wayang, Dewan Konsert, Auditorium (keluasan jumlah lantai) (i) Satu tingkat atau tidak melebihi 1,000 m persegi (ii) 2 tingkat dan lebih atau tidak melebihi 1,000 m persegi 4. Pusat hiburan (keluasan jumlah lantai) (i) Satu tingkat atau tidak melebihi 1,000 m persegi (ii) 2 tingkat dan lebih atau tidak melebihi 1,000 m persegi 5. Terminal bas, stesen keretapi, lapangan kapal terbang (keluasan jumlah lantai) (i) Satu tingkat atau tidak melebihi 1,000 m persegi (ii) 2 tingkat 1000 m persegi hingga 2,000 m persegi (iii) 3 tingkat dan lebih atau melebihi 2,000 m persegi 6. Tempat ibadat Tempat berkumpul khusus untuk tujuan beribadat sahaja	A & B - A A & B - A & B A A & B - A A & B -	1 - 1 1, 3, 4 & 5 1 & 2 1, 3, 4 & 5 1 & 2 1 & 3 1 1 & 2 1, 3, 4 & 5 -

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
VIII. STORAN DAN AM 1. Tempat letak kereta (i) Tempat letak kereta atas tanah dengan struktur terbuka (a) Satu tingkat atau kurang daripada 750 m persegi - - (b) 2 tingkat dan ke atas atau lebih daripada 750 m persegi bagi satu tingkat A 1 (ii) Tempat letak kereta bawah tanah (a) Kurang daripada 2000 m persegi (keluasan jumlah lantai) A 1 (b) 2000 m persegi dan ke atas (keluasan jumlah lantai) A & B 1, 3, 4 & 5 (iii) Tempat letak kereta automatik berbilang paras A & B 1 & 3 2. Gudang dan storan bahan-bahan tak boleh terbakar seperti tanah liat dan tanah peluntur (i) Satu tingkat dan kurang daripada 2,000 m persegi - - (ii) 2 tingkat dan ke atas atau lebih daripada 2,000 m persegi A 1 3. Gudang dan storan bahan-bahan boleh terbakar (i) Satu tingkat (keluasan jumlah lantai) (a) Sisi terbuka melebihi 1,000 m persegi A 1 (b) Kurang daripada 250 m persegi - - (c) 250 – 500 m persegi (Lihat Nota 5) 1 (d) 501 – 1,000 m persegi dan kurang daripada 7,000 m padu A 1 & 2 (e) Lebih daripada 1,000 m persegi atau 7,000 m padu A & B 1, 3 & 5 (ii) Dua tingkat dan ke atas (keluasan jumlah lantai) (a) Kurang daripada 1000 m persegi dan kurang daripada 7000 m padu A - (b) Melebihi 1,000 persegi dan ke atas atau lebih daripada 7,000 m padu A & B 1, 3 & 5		

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
NOTA: Struktur Terbuka (1) Jumlah kawasan permukaan bagi bukaan hendaklah tidak kurang daripada 40% daripada jumlah perimeter kawasan dinding yang mengepung lantai atau kompartmen. (2) Bukaan hendaklah juga dibentuk dan ditempatkan dalam sedemikian bahawa jumlah panjangnya dalam pelan bagi bukaan adalah tidak kurang daripada 50% daripada perimeter lantai atau compartment. Koridor Terbuka (1) Jumlah kawasan permukaan bagi bukaan hendaklah tidak kurang daripada 25% daripada jumlah perimeter kawasan dinding yang mengepung langkan. (2) Bukaan hendaklah juga dibentuk dan ditempatkan dalam sedemikian bahawa jumlah panjangnya dalam pelan bagi bukaan adalah tidak kurang daripada 50% daripada perimeter langkan. “Bukaan” hendaklah terbuka kepada luar, ruang yang tidak dikepung atau telaga udara yang dibenarkan. Mana-mana bukaan individu yang mempunyai permukaan kawasan kurang daripada 600 mm² atau kawasan yang lebar bukaannya adalah kurang daripada 25 mm adalah tidak dianggap sebagai bukaan bagi maksud ini. NOTA 1 Kawasan dan prosesan yang merbahaya dalam sesuatu bangunan yang disebut dalam Kumpulan VI dan VIII adalah kawasan-kawasan yang berikut: (a) Bilik Dandang dan ruang Storan Bahan Api Berkaitan. (b) Dobi. (c) Kedai Membaiki. (d) Bilik atau ruang yang digunakan bagi storan berkuantiti yang disifatkan merbahaya. (e) Dapur. (f) Bilik Kain Baju Kotor. (g) Bilik alat ubah dan Bilik Suis Elektrik. (h) Bilik Loji. (i) Prosesan cecair mudah terbakar atau pengendalian pembersihan. (j) Storan dalam bangunan bagi cecair mudah terbakar. (k) Loji kimia, loji penyedut pelarut, loji penyulingan, kilang pembersihan. (l) Kelengkapan memproses, bilik pam, tangki terbuka, tangki celup, tangki bancuh NOTA 2: Huruf-huruf dalam ruang kedua Jadual ini merujuk kepada jenis-jenis sistem pemadam api tetap, seperti berikut: - A–Sistem Hos Gelung. - B–Sistem Semburan. - C–Sistem Pemasangan Tetap Gas. - D–Sistem Pili Bomba Bertekanan.		

<i>Bahaya Pendudukan</i>	<i>Sistem Pemadam</i> <i>Nota 2</i>	<i>Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran</i> <i>Nota 3</i>
NOTA 3: Angka-angka dalam ruang ketiga Jadual ini merujuk kepada jenis-jenis sistem penggera kebakaran dan pengesan api seperti berikut: 1. Penggera Kebakaran Elektrik Manual. 2. Sistem Pengesan Api Automatik. 3. Sistem Pegawasan Berpusat. 4. Sistem Siar Raya. 5. Pusat Kawalan Kebakaran. NOTA 4: Untuk maksud Jadual ini, ukuran tinggi hendaklah diambil daripada paras titik yang tinggi sekali bagi laluan perkakas bomba ke aras tingkat yang paling tinggi yang boleh dihuni. NOTA 5: Pemadam api mudah alih hendaklah disediakan bagi kediaman persendirian. NOTA 6: Pengesan asap jenis kuasa tersendiri hendaklah dipasang di titik tertinggi kurungan tangga. NOTA 7: Pengesan asap jenis kuasa tersendiri hendaklah dipasang dalam semua bilik tidur. NOTA 8: Pemadam api jenis troli seberat 25 kg hendaklah disediakan.		

(b) dengan memotong Borang A dan Borang B.

Dibuat 7 Disember 2012
[P.U. Sel. Am 0283 Jld. 4]

SULIMAN BIN ABD RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA